**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK MS ISO 9001:2008**
**PEJABAT KESIHATAN DAERAH MERANG**
**BIL. 2/2012**

**Tarikh:** **10 Ogos 2012**

**Masa:** **8.30 pagi**

**Tempat:** **Bilik Mesyuarat Pejabat Kesihatan Daerah Merang**

**KEHADIRAN:-**

| Bil. | Nama Pegawai | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Hjh. Foziah binti Hj. Dahlan | Pegawai Kesihatan Daerah /Pengerusi |
| 2. | Dr. Siti Anhar binti Akhbar Ali | FMS KK Marang |
| 3. | Dr. Norzana binti Yazid Ahmad | FMS KK Wakaf Tapai |
| 4. | Dr. Mohd Aziz bin Abd. Azizi | M&HO KK Marang |
| 5. | Puan Zibahlia binti Rahman | Ketua Jururawat KK Wakaf Tapai |
| 6. | Puan Wan Min binti Abdul | Ketua Jururawat KK Marang/Setiausaha |

**TURUT HADIR:-**

| Bil. | Nama Pegawai | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | Puan Nor binti Mohd Usop | Ketua Jururawat KK Wakaf Tapai |
| 2. | Puan Annie Su Ying Lin | Pen. Peg. Farmasi KK Marang |
| 3. | En Abd. Rahiman bin Yaacob | JTMP KK Marang |

**TIDAK HADIR BERSEBAB:-**

| Bil. | Nama Pegawai | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | Puan Asah binti Abd. Rasid | Ketua Jururawat KK Bukit Payung (cuti sakit) |
| 2. | Puan Akmaliyah binti Mahali | Pem. Tadbir Kanan (kursus) |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **1.0** | **UCAPAN PENGERUSI**<br>Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada yang hadir. | |
| | 1.1. Pengerusi memperkenalkan AJK Induk MS ISO 9001:2008 kepada anggota mesyuarat dan meminta supaya semua anggota bekerjasama. | Makluman |
| | 1.2. Pengerusi memaklumkan bahawa Pegawai Ketentukuran akan mengadakan satu Kursus Kalibrasi pada 15 September 2012. | |
| | 1.3. Pengerusi memberitahu lawatan sambil belajar ke PKD Pasir Mas akan diadakan pada 14 Oktober 2012. | |
| **2.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2012**<br><br>Minit Mesyuarat Bil.1/2012 disahkan sebulat suara tanpa pindaan. | |
| **3.0** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | |
| | **Para 2.4 Bil.1/2012 Pembentangan MKSP**<br><br>3.1 Pembentangan MKSP masih tidak mencapai kualiti yang telah ditetapkan. Mesyuarat bersetuju satu format akan dibuat bagi memudahkan pembentangan. | AJK Induk |
| | **Para 2.5 Bil.1/2012 Bengkel Pengemaskinian PK MS ISO 9001:2008**<br><br>3.2. Mesyuarat bersetuju Bengkel Pengemaskinian PK MS ISO 9001:2008 akan dibuat secara berperingkat mengikut unit. | Ketua Unit |
| | | |

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Manual Kualiti | 1 Oktober 2012 |
| 2 | Inspektorat | 7 Oktober 2012 |
| 3 | Pengurusan | 14 Oktober 2012 |

| BIL | PERKARA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **4.0** | **PERKARA YANG DIBINCANGKAN** | |
| | **4.1 Perancangan Aktiviti MS ISO 9001:2008**<br><br>Pengerusi meminta perancangan aktiviti MS ISO 9001:2008 tahun 2013 diserahkan pada 31 Disember 2012 kepada Pegawai Tentukuran untuk dimasukkan dalam Buku Perancangan Tahunan.<br><br>**4.2 Pengurusan Bilik Fail**<br><br>Bilik fail tidak diurus dengan teratur, terutamanya rekod keluar masuk fail tidak mengikut piawaian prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh ISO.<br><br>**4.3 Carta Organisasi**<br><br>Carta organisasi di KK Marang tidak menepati piawaian ISO terutamanya gambar pegawai dan gred hakiki yang tidak lengkap. | Semua Unit<br><br>Pembantu Tadbir Bilik Rekod<br><br>Ketua Unit |
| **5.0** | **HAL-HAL LAIN** | |
| | **5.1 Permohonan untuk Penggunaan Kenderaan Jabatan**<br><br>Setiap permohonan penggunaan kenderaan jabatan perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan mengikut PK MS ISO 9001:2008.<br><br>**5.2 Pengiliran Jadual Tugas Pemandu *Standby***<br><br>Jadual kerja pemandu *standby* pada hari cuti akan dilaksanakan mengikut giliran bermula 1 September 2012 dan perlu dipatuhi oleh semua pemandu. | Semua Ketua Unit<br><br>Semua PKB |

| BIL | PERKARA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **6.0** | **PENANGGUHAN MESYUARAT**<br><br>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari dan mesyuarat akan datang ditetapkan pada 12 Disember 2012. | |

Disediakan Oleh:

Setiausaha Jawatankuasa MS ISO 9001:2008
PKD Merang